

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/04/25 - 21

### KAUNTER PERKHIDMATAN LHDNM DIBUKA PADA 26, 27, & 28 APRIL 2019

Cyberjaya, 25 April 2019 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan & bayaran (selain duti setem) LHDNM di seluruh **Cawangan dan Pusat Bayaran LHDNM** akan beroperasi pada **26, 27 dan 28 April 2019 (Jumaat, Sabtu & Ahad)** bagi memberikan kemudahan kepada pembayar cukai individu yang tidak mempunyai punca pendapatan daripada perniagaan untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) iaitu Borang BE dan membuat bayaran baki cukai sewajarnya. Jadual operasi kaunter adalah seperti yang berikut:

TARIKH	MASA OPERASI KAUNTER
26, 27 & 28 April 2019 (Jumaat, Sabtu & Ahad)	Cawangan dan Pusat Bayaran di Semenanjung 9.00 pagi – 4.00 petang
	Cawangan dan Pusat Bayaran di Sabah & Sarawak 8.30 pagi – 3.30 petang

Nota : Pembukaan kaunter perkhidmatan ini tidak termasuk Cawangan LHDNM yang tarikhnya jatuh pada hari cuti umum Negeri.

Untuk Negeri - negeri yang hujung minggunya jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu, kaunter perkhidmatan akan dibuka pada 26 dan 27 April 2019 (kecuali Negeri Terengganu yang hanya akan beroperasi pada 27 April 2019 berikutan cuti umum Hari Keputeraan Sultan Terengganu yang disambut pada 26 April 2019). Manakala bagi negeri yang hujung minggunya jatuh pada hari Sabtu dan Ahad, kaunter perkhidmatan dan pusat bayaran akan dibuka pada 27 dan 28 April 2019. Harap maklum bahawa kaunter perkhidmatan LHDNM di Pusat Transformasi Bandar (UTC) akan beroperasi seperti biasa.

Sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi Hasil Care Line LHDNM di talian 1-800-88-5436 untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873  
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 25 April 2019**



/LHDNM



/LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube